



*Hari Selasa
16 Oktober 2001*

NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH**

**PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
MESYUARAT YANG KEDUA**

15 OKTOBER 2001 HINGGA 28 NOVEMBER 2001

DIKELUARKAN OLEH
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KESEPULUH

PENGGAL KETIGA MESYUARAT KEDUA

Kandungan	Muka Surat
Usul Pembangunan Strategik Pulau Pinang Kedua (PSDP2)	4

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH
MESYUARAT KEDUA
PENGAL KETIGA

Hari Selasa : 16 Oktober 2001

*(Tempat : Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang.*

HADIR

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid) -
Dato' Speaker

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) – Ketua Menteri

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) –
Timbalan Ketua Menteri

Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Khalid bin Ramli)

Penasihat Undang-Undang Negeri (Dato' Alizatul Khair bt. Osman
Kha:ruddin)

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Encik Abdul Hanan bin
Alang Endut)

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen)

“ Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)

“ Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)

“ Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)

“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)

“ Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan)

“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Puan Jahara bt. Hamid)

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Dr. Loh Hock Hun)
 “ Berapit (Y.B. Encik Lau Chiek Tuan)
 “ Bagan Jermal (Y.B. Dato’ Dr. Sak Cheng Lum)
 “ Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)
 “ Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato’ Haji Syed Ahmad)
 “ Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun)
 “ Sungai Bakap (Y.B. Encik Lai Chew Hock)
 “ Bertam (Y.B. Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
 “ Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik)
 “ Bukit Tengah (Y.B. Puan Ng Siew Lai)
 “ Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)
 “ Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang)
 “ Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)
 “ Kampong Kolam (Y.B. Encik Lim Gim Soon)
 “ Sungai Puyu (Y.B. Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)
 “ Air Itam (Y.B. Encik Lye Siew Weng)
 “ Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang)
 “ Seberang Jaya (Y.B. Dr. Radin Muhammad Amin bin Radin Haji Hadi Munir)
 “ Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir)
 “ Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)
 “ Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang)

TIDAK HADIR

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato’ Haji Abdul Rashid bin Abdullah
 Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Encik Abd. Roni bin A. Hasan)

TURUT HADIR

Encik Kasim Bin Md. Isa – (Setiausaha Dewan Undangan Negeri)

DOA.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya bangun untuk mengemukakan satu usul di bawah Peraturan 15 (3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bahawa Peraturan 15 (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang digantungkan supaya usul Pelan Pembangunan Strategik Pulau Pinang Kedua (PSDP-2) dan usul Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama (RNPP-1) tahun 2001 hingga 2005 dibahaskan sebelum Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2002, Rang Undang-undang Enakmen Mineral Negeri 2001 dan Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri, Tatatertib dan *Search Charge* 2001 dibacakan pada kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, minta maaf tadi ada kesilapan sedikit, dibacakan pada kali yang pertama yang diluluskan.

Dato' Speaker:

Minta maaf, saya keliru sedikit dengan muka surat yang ada pada saya. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah hanyalah satu usul telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di bawah Peraturan 15 (3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mencadangkan supaya Peraturan 15 (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ditangguhkan supaya usul Pelan Pembangunan Strategik Pulau Pinang Kedua (PSDP-2) dan Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama (RNPP-1) 2001 hingga

2005 dikemukakan dan dibahaskan sebelum Rang Undang-undang Perbekalan 2002, Rang Undang-Undang Enakmen Mineral Negeri 2001 dan Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri, Tatatertib dan *Search Charge* 2001 dibacakan pada kali yang ketiga dan, minta maaf, dibacakan pada kali yang pertama dan diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara. Usul dibenarkan.

Setiausaha:

Usul Pelan Pembangunan Strategik Pulau Pinang Kedua (PSDP-2) daripada Y.A.B Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

Saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan Pelan Pembangunan Strategik Pulau Pinang Kedua (PSDP-2) yang dibentangkan sebagai risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 8 Tahun 2001 dan menetapkan bahawa dokumen tersebut selepas mengambil kira pandangan yang dikemukakan dalam Dewan ini hendaklah digunakan oleh kerajaan negeri sebagai panduan untuk tujuan perancangan strategik pembangunan Negeri Pulau Pinang untuk tempoh tahun 2001 hingga 2010.

Dato' Speaker, saya dengan hormat dan rendah dirinya, ingin membentangkan kepada Dewan Yang Mulia ini Pelan Strategik Pembangunan Pulau Pinang Kedua (PSDP-2) bagi tahun 2001 hingga 2010. Seperti Pelan Strategik Pembangunan Pulau Pinang 1 atau PSDP-1 yang telah memandu pembangunan Negeri Pulau Pinang dalam tempoh 1991 hingga 2000, PSDP-2 akan menandakan satu lagi fasa yang penting dalam jalur pembangunan negeri dan pentadbiran ini. Di tengah-tengah perubahan yang mendadak dan cabaran-cabaran yang besar, adalah tepat pada masanya bagi kita meninjau kembali tempoh sepuluh tahun yang lepas di mana kejayaan melebihi kegagalan, menilai semula

kekuatan dan kelemahan kita, mengenal pasti peluang dan ancaman dan kemudian bergerak dengan berani ke hadapan untuk menerokai bidang-bidang baru dan seterusnya membawa Negeri Pulau Pinang ke tahap pencapaian yang lebih tinggi dalam dekad pertama milenium yang baru ini. Pelaksanaan PSDP-2 dengan jayanya akan membawa kepada tercapainya Wawasan Negeri Pulau Pinang, *the Penang Vision*, yang boleh diringkaskan seperti berikut:

"Negeri Pulau Pinang berazam menjadi sebuah negeri yang maju sepenuhnya menjelang tahun 2010, dengan k-ekonomi yang berdaya saing, kualiti hidup dan alam sekitar yang tinggi, budaya yang segar dan sebuah masyarakat yang bersatu-padu, aman dan penyayang, berasaskan prinsip-prinsip kemampanan, keadilan sosial dan *good governance*".

Inisiatif-inisiatif pembangunan PSDP-2 akan meliputi semua aspek yang termasuk kualiti hidup, ekuiti sosial dan keadilan ekonomi, integrasi dan kestabilan sosial serta pembangunan budaya, etika, rohaniah dan psikologi. Pendek kata, kita bercita-cita hendak mencapai matlamat Wawasan 2020 menjelang tahun 2010, iaitu sepuluh tahun lebih awal daripada tahun yang telah ditetapkan untuk keseluruhan negara. Kita berani mengemukakan wawasan ini serta menetapkan suatu sasaran masa yang lebih awal untuk mencapainya, bukan kerana kita angkuh tetapi kerana keyakinan dan komitmen kita, yang berasaskan rekod pencapaian yang telah kita catat dan pengalaman yang telah kita kumpul sepanjang tempoh sepuluh tahun dibawah PSDP-1.

Memang, Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan kemajuan yang agak mengagumkan dalam tempoh PSDP-1. Kita telah mencapai suatu kadar pertumbuhan dalam keluaran dalam negara kasar KDNK setinggi 8.25 setahun yang mengatasi sasaran asalnya PSDP-1 pada 7.3%. Sebenarnya, kadar pertumbuhan pada puratanya ialah 11.45 dalam 1991-1995, tetapi Cuma 5.05 dalam 1996-2000, suatu kadar yang lebih rendah akibat dilanda krisis kewangan serantau. KDNK per kapita kita sebanyak RM13,296 (pada harga tahun 1987) kini adalah 1.47 kali lebih tinggi berbanding dengan purata keseluruhan negara. Insiden kemiskinan di Negeri Pulau Pinang telah dikurangkan daripada 7.2% pada 1990 kepada 1.95 pada tahun 1997 dan 2.7% pada tahun 1999. Kadar ini adalah masih di antara yang paling rendah di negara kita ini. Ketidaksetaraan dalam pengagihan pendapatan juga adalah tidak begitu seketara seperti yang wujud di keseluruhan negara.

Tambahan kepada pencapaian ekonomi yang bersifat kuantitatif ini, kita telah berjaya mencapai suatu kualiti hidup yang lebih tinggi berbanding dengan apa yang terdapat di keseluruhan negara. Kelebihan Negeri Pulau Pinang ini amat nyata apabila diukur berasaskan kepada beberapa petunjuk yang merangkumi bidang-bidang seperti persekitaran bekerja, alam sekitar, pendidikan, kesihatan, penyertaan sosial dan politik, selain daripada pendapatan dan pengagihannya. Negeri Pulau Pinang telah mendahului dalam promosi konsep "masyarakat penyayang". Kita juga telah mendorong dan menggemblangkan pertumbuhan-pertumbuhan wanita dan belia serta mempergiatkan semula sukan untuk mencapai kecemerlangan.

Pada umumnya, rakyat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut merasa bangga dengan apa yang telah kita capai dalam pembangunan setakat ini. Walau bagaimanapun, kita memang sedar akan hakikat bahawa sebagai manusia, kita tidaklah sempurna dengan izin *we are not perfect*. Sementara masih terdapat masalah-masalah baru pula telah muncul, yang sering mengakibatkan oleh pembangunan yang pesat, di antaranya termasuk kesesakan trafik, penjejasan alam sekitar dan gejala sosial. Kita perlu berusaha lebih gigih lagi, dengan lebih berkesan dan lebih baik, serta bekerja dengan lebih kuat dan lebih pintar. Rakyat Negeri Pulau Pinang menghendaki satu masa hadapan yang lebih cerah untuk mereka.

Justeru, dalam fasa pembangunan yang akan datang, kita tidak setakat hanya melihat akan ukuran pertumbuhan yang bersifat ekonomi dan kuantitatif sahaja, tetapi akan mendekati konsep pembangunan secara menyeluruh atau holistik dengan menekankan kualiti pertumbuhan. Penekanan dan komitmen kita ini adalah dicerminkan dalam lima teras strategik PSDP-2, seperti berikut:-

- (1) Peningkatan daya saing ekonomi;
- (2) Pengekalan keseimbangan ekologi;
- (3) Pembentukan sebuah masyarakat penyayang dan seperkongsian;
- (4) Pemupukan kebudayaan yang segar dan
- (5) Amalan *good governance*

Teras-teras strategi ini adalah ditujukan untuk mencapai matlamat jangka panjang PSDP-2, iaitu pembangunan untuk Pulau Pinang yang mampan, di mana rakyatnya menikmati suatu kualiti hidup yang tinggi, urus tadbir yang baik dan keperkasaan atau *empowerment* yang tinggi. Teras-teras strategik ini didorong oleh "suatu persekitaran yang kondusif" (*an enabling environment*) yang terdiri daripada prasarana – fizikal, teknologi dan kewangan – dan ciri-ciri manusia yang meliputi kebakatan, kepintaran dan keusahawanan, dengan penekanan ke atas ICT ataupun *Information Communication Technology*, kecemerlangan dan kualiti.

Adalah perlu ditekankan bahawa matlamat dan teras PSDP-2 dirumuskan sedemikian sehingga ianya adalah konsisten dengan aspirasi dan dasar negara seperti yang ditetapkan dalam Wawasan 2020, Rangka Rancangan Jangka Panjang 3 dan Rancangan Malaysia Kelapan. PSDP-2 bertujuan memastikan bahawa Negeri Pulau Pinang akan terus memainkan suatu peranan yang penting dalam proses membina negara Malaysia yang aman, bersatu-padu dan maju sepenuhnya. Sekarang, saya ingin menjelaskan secara ringkas teras-teras strategik dan bagaimanakah kita bercadang mencapainya.

MENINGKATKAN DAYA SAING EKONOMI

Dato' Speaker, berasaskan kepada senario realistik yang diunjurkan dalam PSDP-2, Negeri Pulau Pinang dijangka akan mencapai kadar pertumbuhan kira-kira 6.9% dalam tempoh 5 tahun 2001-2005 dan 7.3% per kapita Negeri Pulau Pinang akan mencapai RM23,585 (dalam harga tahun 1987) yang adalah bersamaan RM25,631 apabila dianggarkan dalam harga tahun 1990. KDNK per kapita ini melebihi sasaran bagi Wawasan 2020, iaitu pada paras RM25,000. Oleh itu, dari segi KDNK per kapita sahaja, Negeri Pulau Pinang akan mencapai sasaran Wawasan 2020 dalam tahun 2010.

Kadar pertumbuhan yang lebih rendah bagi tempoh PSDP-2 berbanding dengan apa yang telah dicapai dalam tempoh PSDP-1 adalah berasaskan jangkaan permintaan global yang lebih rendah dan kadar pertumbuhan yang lebih lembap bagi keseluruhan ekonomi Malaysia, setelah mengambil kira kelembapan yang baru-baru melanda ekonomi Amerika Syarikat dan industri elektronik sedunia sejak penghujung tahun lepas. Impak serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat dan tindakan balas berikutnya tidak dapat ditentukan dengan tepat buat masa ini. Unjuran pertumbuhan bagi jangka masa pendek

mungkin perlu diturunkan. Akan tetapi, memandangkan bahawa PSDP-2 merupakan suatu pelan jangka panjang, kejutan luaran yang melanda dengan tiba-tibanya kemungkinan besar akan diseimbangkan oleh faktor-faktor positif pada masa kemudian dalam jangka masa panjang.

Memandangkan jauh ke depan, daya saing ekonomi Negeri Pulau Pinang untuk sepuluh tahun yang akan datang tetap didorong oleh dua lokomotif yang utama, iaitu sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan. Bahagian daripada KDNK yang sumbangkan oleh pembuatan dijangka akan mencatat 47.7% yang terdapat sekarang. Bahagian yang terdiri daripada keluaran sektor perkhidmatan diunjurkan akan beralih daripada 49.5% yang terdapat sekarang kepada 48.3% dalam tahun 2005 dan 46% dalam tahun 2010. Walau bagaimanapun, kedua-dua sektor utama ini akan makin berjaln dan saling genap-menggenapi iaitu *complimentary*. Kedua-dua sektor ini akan juga terus menganggotai lebih daripada 90% daripada KDNK negeri kita.

Walaupun pertumbuhan sektor pembuatan dalam tempoh sepuluh tahun yang akan datang dijangka lebih sederhana berbanding dengan apa yang telah dicapai dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas, tetapi ianya masih pesat pada kadar lebih daripada 8.0% setahun. Namun, sektor ini akan menghadapi pelbagai peluang dan ancaman yang baru. Pertumbuhan yang pesat dalam 90-an telah dijanakan oleh penambahan dalam faktor-faktor pengeluaran, seperti modal dan buruh, yang pada penghujung tahun 90-an telah mulai menghadapi masalah kekangan ataupun dengan izin *bottle neck*. Justeru, fokus pertumbuhan dalam dekad yang akan datang adalah terhadap memperangsakan pertumbuhan dalam Produktiviti Faktor Keseluruhan ataupun (*Total Factor Produktiviti (TFP)* melalui:-

- (1) Mempromosikan secara aktif bidang-bidang istimewa atau "*niche areas*" dalam barang-barang baru yang berteknologi tinggi dan mempunyai nilai ditambahnya lebih tinggi, khasnya barang-barang yang merangkumi teknologi baru seperti fotonik, teknologi-nano, alat-alat bergerak, teknologi-bio, farmaseutikal dan kelengkapan perubatan;
- (2) Merangsang produktiviti dan inovasi yang lebih tinggi dengan menaikkan kualiti pendidikan dan latihan, menggalakkan kedatangan orang yang berbakat, pengetahuan dan modal, serta memupuk keupayaan keusahawanan berteknologi atau "*technopreneur*";

- (3) Memupuk industri tempatan yang berdaya saing di peringkat global dengan menjalin pakatan strategik antara mereka dengan syarikat multinasional (MNCs) dan meningkatkan keupayaan mereka dalam ICT, pengurusan rantai bekalan atau "*supply chain management*", pemasaran dan perkhidmatan pelanggan.

Sektor perkhidmatan Negeri Pulau Pinang dijangka akan bertumbuh pada kadar purata antara 6.6 hingga 6.75 setahun. Perkhidmatan domestik seperti borong, runcit, kewangan, insuran dan perkhidmatan perniagaan dijangka akan mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana. Perkhidmatan antarabangsa, seperti e-dagang, pusat-pusat panggilan atau "*call centres*", perkhidmatan logistik dan pengangkutan dijangka akan mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi, selaras dengan Pelan Induk k-Ekonomi. Pembangunan ini akan juga bantu mengekalkan daya saing industri-industri di Negeri Pulau Pinang.

Strategi-strategi bagi meningkatkan kualiti sektor perkhidmatan termasuklah:

- (1) Membangunkan sokongan yang diberikan oleh dasar yang lebih tertumpu dan strategi promosi untuk sektor perkhidmatan, dan menambahkan insentif serta inisiatif bagi menaikkan taraf tenaga manusianya;
- (2) Meningkatkan daya saing industri perkhidmatan Pulau Pinang dengan menaikkan taraf ICT dan e-dagang dengan pantas.
- (3) Menarik lebih banyak firma perkhidmatan global dan menggalakkan pakatan strategik dengan firma tempatan untuk meningkatkan kualiti dan memperluaskan perkhidmatan seperti ini.
- (4) Memajukan dengan lebih lanjut berbagai-bagai jenis perkhidmatan untuk menyokong sektor perindustrian, perdagangan dan pelancongan bagi memastikan bahawa sektor-sektor eksport ini tetap berdaya saing global; dan
- (5) Menambahbaiki prasarana, khususnya Lapangan terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Pelabuhan Pulau Pinang supaya dapat menyokong suatu industri logistik yang lebih cekap dan giat.

Walaupun pelancongan merupakan sebahagian daripada sektor perkhidmatan, namun ianya patut diberi perhatian yang khusus, memandangkan kedudukannya sebagai punca hasil yang kedua penting untuk negeri ini. Dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas, bilangan pelancong yang melawat Pulau Pinang telah meningkat dua kali ganda, daripada 1.9 juta dalam 1991 kepada 3.8 juta pada tahun 2000. Untuk masa hadapan kemampanan dan kualiti akan menjadi fokus utama. Agar memastikan Negeri Pulau Pinang dapat mengekalkan daya tarikannya yang pelbagai sebagai suatu destinasi antarabangsa dan domestik. Strategi-strategi yang utama adalah seperti berikut:

- (1) Menetapkan sasaran yang jelas untuk promosi, mengenal pasti segmen pasaran yang baru dan membangunkan strategi-strategi pemasaran dan promosi yang inovatif, dengan menggunakan ICT sepenuhnya.
- (2) Memperkukuhkan lagi "*niche*" yang jelas, seperti bidang mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE), pelancongan layar, pendidikan dan perubatan;
- (3) Menubuhkan satu Majlis Pelancongan Warisan dan Kebudayaan untuk melaksanakan suatu program pengurusan pemuliharaan yang selaras dengan keperluan-keperluan Penyeneraian Warisan Sedunia sementara menambah dan meningkatkan kualiti produk-produk pelancongan warisan;
- (4) Mempromosikan pembangunan produk-produk pelancongan seperti Taman Negara Pantai Aceh, Treasure Island Resort di Pulau Jerejak, Empangan Mengkuang dan Telok Bahang, Kebun Bunga, Bukit Bendera serta kampung-kampung tradisi yang terpilih untuk pelancongan budaya dan pelancongan agro; dan
- (5) Memperkembangan kemudahan untuk aksesibiliti langsung udara, laut dan darat bagi meningkatkan peranan Negeri Pulau Pinang sebagai suatu hub untuk para pelancong antarabangsa di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia dan IMT-GT.

Dato' Speaker, dalam sebuah negeri yang menghadapi kekurangan tanah seperti Negeri Pulau Pinang, tekanan ke atas sektor pertanian lantaran daripada industrialisasi, urbanisasi dan pertumbuhan penduduk tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, pengeluaran padi akan tetap memainkan peranan yang strategik dari segi jaminan makanan dan ekuiti sosial, dengan penekanan ke atas prasarana yang bertambah baik dan produktiviti yang meningkat untuk hasil yang lebih tinggi. Prospek jangka panjang bagi sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang terletak dalam pengeluaran pertanian yang bernilai ditambah yang lebih tinggi, seperti penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran, florikultur, akuakultur, ubat herba dan industri asas tani, seperti pemprosesan makanan.

Fokus utama bagi pembangunan sektor pertanian dalam tempoh PSDP2 termasuk:

- (1) Memajukan Taman Agro-teknologi Juru menjadi sebuah taman teknologi pertanian bertaraf dunia untuk kegiatan-kegiatan pengeluaran dan pemprosesan pertanian yang berteknologi tinggi;
- (2) Memperkembangkan pengeluaran makanan dengan mengekalkan suatu kawasan padi yang sedia wujud; menubuhkan taman hortikultur, mempergiatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan penerimapaakaian teknologi untuk meningkatkan produktiviti;
- (3) Meningkatkan lagi prestasi perusahaan kecil dan sederhana yang terlibat dalam industri pengeluaran dan pemprosesan makanan melalui latihan, program sokongan teknikal dan pemasaran bagi pasaran eksport.
- (4) Memulakan teknologi pengeluaran dan pemprosesan pertanian yang terkini dengan menggalakkan program-program penyelidikan khas dalam perladangan tepat (*precision farming*), teknologi-bio dan sebagainya; dan
- (5) Memastikan pembangunan pertanian yang mampan melalui kawalan alam sekitar yang ketat bagi industri penternakan; penggalakan amalan perkebunan dan perladangan yang mesra alam; pengenaan kawalan yang ketat di atas kegunaan paya bakau dan penggalakan amalan perladangan organik.

MENYEDIKAN PERSEKITARAN YANG BERSESUAIAN

Dato' Speaker, supaya strategi-strategi ekonomi di atas dapat dilaksanakan dengan jayanya, maka adalah perlu suatu persekitaran yang kondusif dan sesuai untuk pembangunan ekonomi dibina. Unsur-unsur utama yang kritikal untuk persekitaran yang kondusif dan sesuai ini ialah suatu landasan K-ICT yang maju, asas sumber manusia berpengetahuan yang kuat serta suatu sistem prasarana dan pengangkutan yang berkualiti tinggi. Walau bagaimanapun, suatu persekitaran yang bersesuaian tidak terbatas hanya untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing sahaja, tetapi diperlukan untuk pembangunan sosial dan peningkatan dalam kualiti hidup juga.

Adalah perlu bagi Negeri Pulau Pinang beranjak dengan cepatnya menuju ke ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi, di mana pewujudan, aplikasi dan penyebaran pengetahuan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kerajaan Negeri akan mengambil inisiatif untuk merealisasikan peralihan ke arah k-ekonomi melalui program dan projeknya untuk meningkatkan kepekaan semua pihak di negeri ini terhadap peri mustahaknya aktiviti-aktiviti pengetahuan, khususnya dalam bidang saintifik dan teknik. Meskipun sektor awam memainkan peranan sebagai pemangkin dan penyokong, namun adalah penting untuk mengambil kira bahawa k-ekonomi terutamanya didorong oleh perusahaan swasta dan berorientasikan global. Justeru, strategi-strategi negeri dalam hal ini termasuk:-

- (1) Menarik usahawan-usahawan berpengetahuan dan perbadanan-perbadanan untuk menempatkan semula dan melabur di Negeri Pulau Pinang.
- (2) Menjalin pakatan perkongsian teknologi antara syarikat-syarikat asing dan tempatan serta antara industri, universiti dan institut penyelidikan bagi memudahkan perkongsian pengetahuan yang lebih cekap dan latihan kemahiran yang lanjut serta mewujudkan pengetahuan yang bakal boleh diterjemahkan kepada projek-projek komersial melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D);
- (3) Menaik taraf prasarana di negeri ini dengan memastikan akses kepada lebarjalus (*bandwidth*) yang bertambah baik, kos yang berdaya saing, perkhidmatannya yang berkualiti tinggi dan kepastian perkhidmatan.

Untuk merealisasikan peralihan ke k-ekonomi dan untuk memastikan daya saing ekonomi Negeri Pulau Pinang, kemahiran tenaga kerja perlu dipertingkatkan dan kumpulan pekerja berpengetahuannya iaitu *k-workers* diperkembangkan. Usaha-usaha pembangunan sumber manusia negeri ini mesti diarah menuju kepada mengeluarkan tenaga manusia yang berkemahiran tinggi dan kepakaran yang diperlukan untuk menyokong industri-industri baru, khususnya dalam bidang kritikal, seperti sains, kejuruteraan dan teknologi maklumat atau IT. Perhatian harus juga diberikan kepada menaikkan taraf tenaga kerja yang mempunyai kelayakan pendidikan yang rendah sebagai langkah supaya menyediakan mereka untuk pasaran buruh yang baru. Untuk mencapai matlamat-matlamat ini, adalah dicadangkan bahawa:-

- (1) Majlis Pembangunan Sumber Manusia Pulau Pinang, bersama-sama dengan sektor industri, PDC dan PSDC, merancang dan menyediakan bagaimana memenuhi permintaan untuk sumber manusia pada masa depan, melalui kerjasama dengan universiti dan institusi latihan dalam mereka-bentukkan program-program pengajaran dan kurikulum bagi melatih tenaga kerja untuk industri yang disasarkan untuk ditarik ke Negeri Pulau Pinang.
- (2) Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam menarik bakat-bakat berpengetahuan yang diperlukan ke negeri ini: dan
- (3) Memberikan kaunseling mengenai latihan kepada lepasan sekolah menengah, menempatkan mereka di pekerjaan dan menggalakkan sektor swasta memberikan biasiswa untuk latihan vokasional.

Dato' Speaker, utiliti-utiliti yang baik, cekap, boleh berfungsi setiap masa dengan kos yang berdaya saing amatlah kritikal bagi mempertingkatkan daya saing negeri dalam k-ekonomi dan kualiti hidup. Fokus untuk dekad akan datang ialah memperomoskan kegunaan air dan tenaga secara mampan dan meminimumkan impak ke atas alam sekitar melalui strategi-strategi berikut:

- (1) Menubuhkan suatu mekanisme dengan Negeri Kedah dan Negeri Perak untuk penyelarasan dan pengurusan sumber air wilayah.

- (2) Memperlindungi sumber air dan terusan bekalan air dengan mewartakan semua kawasan tadahan air dan memperkenalkan pemantauan yang sistematik;
- (3) Menerimapakai suatu Strategi Pemulihan Air untuk negeri yang melibatkan penyertaan komuniti dan industri;
- (4) Menggantikan paip air yang lama dan memasang paip-paip yang baru untuk mengurangkan Air Bukan Hasil daripada 23% kepada 15% atau lebih rendah lagi.
- (5) Merumuskan suatu Pelan Induk Elektrik bagi Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran dan penggunaan tenaga supaya dapat menambahkan jaminan dan kualiti bekalan kuasa kelak,

Kemunculan k-ekonomi serta kegunaan ICT yang lebih intensif memerlukan suatu sistem telekomunikasi yang maju dan cekap ditubuhkan di Pulau Pinang secepat mungkin. Sistem ini akan menjamin dan menentukan kualiti perkhidmatan yang tinggi dan akses yang makin bertambah di lokasi yang menghadapi kekurangan akses ini.

Suatu komponen utama persekitaran yang bersesuaian ialah penyediaan suatu sistem pengangkutan yang mampan yang dapat mengangkat orang dan barang-barang secara berkesan dan cekap. Suatu sistem pengangkutan bandar yang komprehensif yang cekap lagi mampan adalah diperlukan bagi memenuhi kedua-dua objektif meningkatkan daya saing ekonomi dan kualiti hidup. Menuju ke arah ini, Kerajaan Negeri akan menerimapakai suatu pendekatan yang bersepadu bagi menangani masalah kesesakan trafik di bandar melalui strategi-strategi berikut:

- (1) Menyiapkan projek-projek lebuh raya besar yang sedang dilaksanakan, seperti Lebuhraya Jelutong, Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) dan Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) serta meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem jalan dan pengurusan trafik;
- (2) Memperkembangkan keupayaan pengangkutan awam dengan memperluaskan dan menaik taraf sistem bas. Melaksanakan sistem penjualan tiket bersepadu dan menawarkan perkhidmatan "park-and-ride" serta memperbanyakkan perkhidmatan feri;

- (3) Memperkenalkan langkah-langkah pengurusan permintaan pengangkutan supaya dapat mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di kawasan-kawasan bandar, khususnya pada waktu kemuncak;
- (4) Memperkuatkan keupayaan keinstitusian dengan menubuhkan suatu Jawatankuasa Perancangan Pengangkutan Negeri berserta dengan unit Kejuruteraan Trafik di pihak berkuasa tempatan; dan
- (5) Menggalakkan penyertaan dan perundingan awam dalam perancangan dan pengurusan pengangkutan.

Dato' Speaker, tambahan kepada sistem pengangkutan bandar dan sistem pengangkutan darat, Kerajaan juga komited kepada mempertingkatkan keupayaan dan menambahbaiki kemudahan di Pelabuhan Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Pelabuhan Pulau Pinang akan dimajukan menjadi pelabuhan perdana di Wilayah Utara untuk menawarkan perkhidmatan kargo yang lebih cepat dan cekap. Suatu terminal penumpang yang bertaraf dunia bagi menyokong pertumbuhan industri pelancongan layar (*cruise tourism*) akan juga dimajukan di pelabuhan ini. Peranan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sebagai satu hak serantau akan dipertingkatkan dan memastikan bahawa perkhidmatan kargo dan penumpang adalah mencukupi untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan dan juga sektor-sektor eksport.

MENGEKALKAN KESEIMBANGAN EKOLOGI

Sebagai sebuah negeri kecil yang telah mengalami pembangunan pesat dalam tempoh 30 tahun yang lepas, Negeri Pulau Pinang sedar akan mustahaknya alam sekitar di negeri ini dipulihara dan diuruskan dengan rapi dan baik. Fokus yang asas ialah merealisasikan suatu peralihan ke pembangunan yang mampan "*transaction to sustainable development*" untuk Negeri Pulau Pinang dengan menyerapkan prinsip dan dasar pembangunan mampan ke dalam perancangan, program dan projek pembangunannya. Agenda 21 untuk negeri dan tempatan akan dirumuskan dengan penyertaan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Berkenaan isu-isu pemuliharaan yang spesifik, berikut adalah di antara strategi-strategi yang telahpun dirumuskan:

- (1) Mengkaji semula dan menubuhkan suatu sistem yang meliputi semua kawasan pemuliharaan yang dicadangkan, yang mewakili sistem ekologi yang pelbagai di Negeri Pulau Pinang.
- (2) Mewartakan Simpan Hutan Pantai Aceh sebagai suatu taman negara dan memajukan Pulau Jerejak untuk pelancongan ekologi dengan pematuhan yang ketat kepada garis panduan pemuliharaan;
- (3) Melaksanakan suatu pelan induk yang menyeluruh dan mesra alam bagi pemajuan Bukit Bendera;
- (4) Memastikan bahawa projek-projek tebus guna tanah mengambilkira keperluan-keperluan sosial, ekonomi, alam sekitar dan pemuliharaan; dan
- (5) Menubuhkan suatu sistem kebun bunga dan taman di Negeri Pulau Pinang untuk menggenapkan Kebun Bunga yang sedia ada.

Dalam pengurusan kualiti alam sekitar, program-program akan bertujuan untuk meningkatkan kualiti udara dan air, pembuangan sisa-sisa pepejal dan berjadual serta penebatan banjir. Fokus akan ditujukan kepada penyingkiran atau pengurangan punca-punca pencemaran dengan menerimapakai strategi-strategi berikut:-

- (1) Menyediakan pelupusan yang mencukupi dan pembuangan yang sesuai untuk sisa-sisa domestik, binatang dan perindustrian;
- (2) Mengawal pencemaran udara daripada punca kenderaan bergerak dan menubuhkan zon penamparan (*buffer zones*) antara industri yang mencemarkan dan kawasan komersil dan perumahan di projek-projek pemajuan baru;

- (3) Mengurangkan pengeluaran sisa pepejal dan mempromosikan kegunaan semula dan kitaran semula, sementara mencari alternatif jangka masa panjang yang mesra alam kepada pembuangan di tapak-tapak pelupusan; dan
- (4) Memajukan kemudahan prasarana yang asas untuk pelupusan sisa berjadual, mempromosikan teknologi yang lebih bersih "*clean technology*" di industri dan menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Sisa Berjadual.

Rangka kerja dasar, undang-undang dan keinstitusian bagi perlindungan alam sekitar akan juga diperkukuhkan dengan menggabungkan isu-isu alam sekitar dan pembangunan di peringkat negeri dan daerah supaya membolehkan pertimbangan yang lebih sistematik dan seimbang mengenai alam sekitar supaya dirangkumi dalam perancangan dasar dan pelaksanaan projek. Ke arah ini, suatu majlis dan Pusat Pembangunan Mampan "*Sustainable Development Council*" akan ditubuhkan.

MEMUPUK SEBUAH MASYARAKAT PENYAYANG DAN SEPERKONGSIAN

Dato' Speaker, selain daripada kemampanan ekonomi dan alam sekitar, Kerajaan Negeri juga komited kepada kemampanan sosial (*Social Sustainability*) supaya dapat menjamin suatu kualiti hidup yang lebih baik, kesejahteraan dan keperkasaan rakyat. Perhatian yang khusus akan ditumpukan kepada kelompok-kelompok yang miskin, terpinggir, kurang bernasib baik dan kelompok-kelompok lain yang mudah terperangkap dalam kemiskinan, tanpa mengira kaum. Walau bagaimanapun, dalam konteks globalisasi, pelbagai ketidakpastian tidak dapat dijangkakan, khasnya dalam sebuah ekonomi terbuka seperti Pulau Pinang yang terdedah kepada ketidakpastian ekonomi dunia.

Suatu contoh yang baik ialah pekerja-pekerja dalam sektor pembuatan di negeri ini yang telah pada umumnya menikmati keselamatan ekonomi dan kesejahteraan sosial dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas, dengan kadar pengangguran tidak pernah melebihi 3.0%. Kelembapan ekonomi dunia baru-baru ini, khasnya dalam industri elektronik telah mengakibatkan sebahagian daripada pekerja-pekerja di sektor pembuatan terpaksa menghadapi pemberhentian kerja, yang agak

menyulitkan. Kerajaan telah merancang berbagai-bagai mekanisme bagi membantu para pekerja ini menangani masalah mereka dalam masa yang susah seperti sekarang, termasuk menawarkan skim-skim latihan semula; program-program melengkapkan semula dengan kemahiran asas pengetahuan dan memberi bantuan dalam pencarian kerja untuk mereka. Mekanisme perlindungan sosial dan skim latihan kemahiran akan diperkukuhkan untuk menghadapi cabaran seumpama ini yang mungkin berlaku lagi pada masa depan dan untuk merealisasikan transformasi teknologi di kalangan tenaga pekerja kita sebagai persiapan untuk menyertai fasa pembangunan yang berteknologi tinggi yang akan datang.

Dari segi pengagihannya, Negeri Pulau Pinang berharap dapat benar-benar membasmi kemiskinan mutlak menjelang tahun 2005 dan meningkatkan peratusan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh 40% yang terbawah dalam seluruh isi rumah tanpa mengira kaum, agar mereka dapat menikmati suatu taraf hidup asas yang setanding dengan tahap pembangunan negeri ini. Di antara strategi-strategi yang akan diterima pakai untuk membasmi kemiskinan dan memastikan satu pengagihan pendapatan yang lebih saksama adalah seperti berikut:-

- (1) Melaksanakan suatu program pembasmian kemiskinan yang lebih tertumpu dan bersepadu di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang akan menggabungkan kegiatan-kegiatan penjaan pendapatan, pembangunan kemahiran, skim perumahan dan pembangunan kampung yang bersepadu;
- (2) Mentarifikan semula kemiskinan dengan menggunakan garis kemiskinan baru setinggi RM1,200 seisi rumah dalam perancangan dan pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan;
- (3) Mempertingkatkan kemahiran pekerja di peringkat rendah melalui penggiliran kerja "*job rotation*" dan penawaran latihan pekerjaan untuk kelompok-kelompok yang lemah dari segi sosio-ekonomi seperti orang yang kurang upaya dan ibu tunggal.

Status Bumiputera dan kelompok-kelompok lain yang tertinggal dari segi sosio-ekonomi akan dipertingkatkan lagi dengan memudahkan penyertaan mereka dalam sektor-sektor ekonomi yang moden. Tumpuan akan diberi kepada pembekalan sokongan kewangan yang memadai dan latihan dalam IT, pengurusan, kemahiran perakaunan dan pemasaran untuk mempelbagaikan ke dalam bidang-bidang pertumbuhan yang baru dan memajukan pasaran yang baru.

Meskipun pendidikan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, namun Kerajaan Negeri telah dan akan terus membantu Kerajaan Persekutuan dengan menggenapkan usahanya dalam menawarkan pendidikan yang berkualiti tinggi dan serba lengkap, khususnya untuk mereka yang datang daripada latar belakang sosio-ekonomi yang tersebut seperti pelajar-pelajar dari luar bandar yang miskin dan pelajar-pelajar yang menghadapi kesukaran dalam pembelajaran. Di antara strategi-strategi yang akan digubal dan dilaksanakan adalah termasuk:

- (1) Memperbaiki persekitaran pembelajaran bagi pelajar-pelajar daripada latar belakang sosio-ekonomi yang tersekat dengan melanjutkan program makanan tambahan, menubuhkan lebih banyak tadika di kawasan luar bandar yang miskin dan membuka kelas-kelas tuisyen yang berkualiti tinggi tetapi dengan bayaran yang murah;
- (2) Bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam menerima pakai pendekatan kepintaran pelbagai "*multiple intelligence approach*" yang mengambil kira akan pelbagai bakat yang dipunyai oleh para pelajar, tidak hanya setakat pencapaian akademik sahaja, supaya dapat meningkatkan perasaan harga diri pelajar-pelajar "yang berisiko" dan seterusnya menjadikan pengalaman pendidikan lebih relevan dan bermakna kepada mereka; dan
- (3) Menambahbaik perkhidmatan untuk pelajar-pelajar yang menghadapi kesukaran dalam pembelajaran dengan memberikan sokongan yang lebih kuat kepada aktiviti-aktiviti Biro Mengenai kesukaran Pembelajaran "*Bureau on Learning Difficulties – BOLD*", menjalin kerjasama yang lebih erat antara BOLD, Jabatan Pendidikan, maktab-

maktab perguruan, USM ibubapa serta menawarkan kemudahan yang lebih baik kepada pelajar-pelajar yang menghadapi kesukaran pembelajaran di dalam sistem persekolahan yang sedia ada.

Keperluan untuk perumahan, penjagaan kesihatan dan kemudahan awam yang berkualiti tinggi akan mendapat perhatian yang serius dan komitmen kerajaan. Tumpuan akan diberikan kepada aksesibiliti dan kemampuan agar kemudahan-kemudahan ini dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat Negeri Pulau Pinang. Dalam hal ini, keutamaan akan diberi kepada:

- (1) Menubuhkan suatu Agensi Pembaharuan dan Pemuliharaan Bandar supaya menggalakkan pemilik hartanah menyertai program pembaharuan dan pemuliharaan bandar dan membangunkan program pembaharuan komuniti;
- (2) Menambahkan bekalan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah dan suatu skim perumahan sosial;
- (3) Meningkatkan akses dan kualiti kemudahan-kemudahan awam, termasuk kemudahan sukan; dan
- (4) Meningkatkan aksesibiliti kepada perkhidmatan kesihatan, khasnya di kawasan luar bandar dan bagi mereka yang berpendapatan rendah dengan penekanan ke atas penjagaan kesihatan primer.

PSDP-2 juga menyediakan program-program bagi kelompok-kelompok yang mudah terdedah kepada pelbagai ketidakpastian, seperti wanita, kanak-kanak, belia, mereka yang kurang upaya dan orang tua. Kesetaraan gender dalam pekerjaan dan peningkatan dalam penyertaan wanita di domain awam adalah amat penting dalam meningkatkan status wanita di masyarakat. Program-program untuk membela dan melindungi kanak-kanak dan belia telah juga dirumus untuk menyediakan suatu persekitaran yang kondusif untuk pembangunan emosi, fizikal dan intelek mereka. Penyediaan kemudahan dan suatu persekitaran yang memperkasakan bagi mereka yang kurang upaya dan bagi orang tua supaya dapat hidup berdikari serta dihargai sebagai asset kepada masyarakat, juga merupakan sebahagian padu daripada program "penyayang dan seperkongsian" negeri ini. Beberapa strategi yang telah dirumuskan bagi mencapai objektif-objektif ini termasuklah:-

- (1) Memastikan pariti gender dalam pekerjaan dengan memajukan program latihan kemahiran yang sesuai untuk wanita;
- (2) Menaikkan status wanita melalui peningkatan kesedaran dan komitmen awam menangani isu-isu gender dan mencapai pariti;
- (3) Menambahkan lagi perkhidmatan dan kemudahan untuk memberi kaunseling dan membantu ibu tunggal, mangsa keganasan domestik dan keluarga yang berpecah-belah;
- (4) Menubuhkan lebih banyak pusat krisis yang diisikan dengan kakitangan yang terlatih untuk menjaga kanak-kanak yang didera dan mendapatkan dana yang mencukupi untuk menguruskan pusat-pusat ini;
- (5) Menambahbaiki program-program agama dan pendidikan moral untuk para belia, memperkuat pertubuhan-pertubuhan serta mempelbagaikan program-program sedia ada untuk belia dengan tekanan diberikan kepada latihan kemahiran kreatif, aktiviti-aktiviti rekreasi dan luar, sukan dan aktiviti-aktiviti budaya antara kaum;
- (6) Mewujudkan suatu persekitaran yang bebas daripada rintangan bagi orang cacat dan menjalankan kempen-kempen kesedaran untuk para arkitek, perancang, pemaaju dan pegawai pihak berkuasa tempatan;
- (7) Melatih dan memperkasakan mereka yang kurang upaya supaya dapat berdikari;
- (8) Merangka suatu program bagi membekal perumahan sosial yang mampu dibeli dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan sosial bagi mereka yang tua dan kurang upaya;
- (9) Memperuntukkan dana dan kakitangan yang mencukupi untuk Rumah Seri Kenangan serta memantau rumah-rumah penjagaan swasta agar memastikan kualitinya baik dan bayaran yang dikenakan adalah mampu dibayar oleh kelompok sasaran; dan

- (10) Menggalakkan penyediaan perkhidmatan penjagaan pada siang hari untuk orang tua.

MENGEKALKAN KEBUDAYAAN YANG SEGAR:

Ciri-ciri etnik, budaya dan agama Negeri Pulau Pinang yang pelbagai telah menjadikannya suatu tempat yang begitu mempesonakan untuk masyarakat tempatan dan para pelawat asing. Amalan saling hormat-menghormati dan penghayatan kepelbagaian yang dipamerkan oleh rakyat Negeri Pulau Pinang telah menyumbang secara besar-besaran kepada memperkayakan pengalaman hidup dan mengekalkan keharmonian di negeri ini. Justeru, kerajaan negeri akan terus mengekalkan malah memperkukuhkan lagi kesegaran budaya negeri dan masyarakat ini. Teras budaya PSDP2 akan tertumpu kepada pengukuhan nilai-nilai agama, moral dan kerohanian, penghayatan sejarah dan kepelbagaian, serta memulihara warisan dan mempromosikan seni dan kebudayaan yang hidup.

Sebagai serampang pertama dalam konteks kesegaran budaya, kerajaan negeri berharap dapat memupuk rakyat yang mempunyai nilai-nilai agama, moral dan rohaniah yang kuat dan yang dapat menyumbang secara positif kepada masyarakat melalui strategi-strategi berikut:

- (1) Mempromosi dan menggalakkan pengajaran agama yang betul serta membanteras penyakit-penyakit sosial dan kejatuhan dalam moral, khususnya di kalangan belia;
- (2) Menubuhkan suatu majlis perundingan antara pertubuhan-pertubuhan agama utama di peringkat negeri dan daerah untuk mempromosi persefahaman dan saling hormat-menghormati di kalangan kumpulan-kumpulan agama, mencegah dan menyelesaikan pertikaian, sekiranya ianya berlaku; dan
- (3) Melaksanakan garis panduan untuk menyediakan ruang dan tapak yang mencukupi untuk tempat-tempat ibadat dalam perancangan projek-projek pemajuan.

Serampang ketiga adalah penghayatan sejarah sendiri yang merupakan sesuatu yang mesti diamalkan demi memupuk perasaan penghargaan diri, identiti dan kesetiaan yang kuat. Kerajaan negeri bercadang mempromosikan penghayatan sejarah Negeri Pulau Pinang dan kepelbagaianya dengan menubuhkan suatu Majlis Sejarah Pulau

Pinang untuk mengutip dan mengumpul punca-punca dan dokumen-dokumen, menyelaraskan kerja penyelidikan dan kajian serta meningkatkan kesedaran dan penghargaan tentang masa silam Negeri Pulau Pinang, relevannya kepada masa kini dan menonjolkan sumbangan orang Pulau Pinang yang banyak berjasa.

Serampang ketiga teras mengenai kesegaran budaya ialah memelihara warisan pelbagai budaya yang kaya serta mempromosi seni Negeri Pulau Pinang. Di antara strategi-strategi yang telah dikenal pasti termasuklah:-

- (1) Menekankan akan warisan seni bina Pulau Pinang dengan membaikpulih dan memelihara tapak dan bangunan-bangunan warisan yang sedia wujud; memastikan bahawa bandar dalaman Georgetown dapat mencapai Penyenaraian Warisan Dunia dan mempromosi pemuliharaan kampung-kampung tradisi yang terpilih;
- (2) Mendokumentasikan sumbangan besar yang telah dibuat oleh Pulau Pinang kepada kesusasteraan dengan menyediakan suatu bibliografi mengenai sastera di Pulau Pinang, menerbitkan koleksi karya-karya ini dan menganjurkan pembacaan dan seminar kesusasteraan di Pulau Pinang;
- (3) Menyokong dan mempromosikan seni persembahan dengan menyediakan prasarana dan kemudahan untuk persembahan, pembiayaan, program latihan, penganjuran pesta muzik, tarian, drama dan filem;
- (4) Memajukan Galeri Seni Negeri dan Muzium Seni Halus; dan
- (5) Mendokumentasikan dan memelihara kraftangan tradisi Pulau Pinang yang pelbagai, menggalakkan kegunaannya dalam konteks tradisi dan menyediakan kemudahan untuk artisan-artisan menghidupkan semula serta menyampaikan karya-karya seni ini.

MENGAMALKAN GOOD GOVERNANCE

Dato' Speaker, meskipun peranan kerajaan masih penting dalam memastikan kemajuan ekonomi dan perpaduan sosial melalui tugas-tugas kawalselia dan pentadbirannya namun konsep-konsep terbaru melalui *good governance* menekankan tentang perlunya digalakkan demokrasi berpenyertaan atau *participating democracy* dan seperkongsian "*sharing*". Oleh yang demikian, suatu perubahan dalam paradigma dan cara berfikir adalah perlu untuk memastikan bahawa sektor awam, sektor swasta dan masyarakat madani dapat bergerak seiring sesama mereka. Walau bagaimanapun, proses perundingan dengan dan penyertaan oleh orang ramai bukanlah sesuatu yang baru kepada Negeri Pulau Pinang. Cuma apa yang diperlukan ialah melanjutkan tradisi sedia ada ini dan memperkukuhkan lagi proses ini untuk memaksimumkan keberkesanan dan manfaatnya.

Salah satu daripada aspek utama *good governance* ialah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan jentera kerajaan. Dalam hal ini, berikut adalah diantara strategi-strategi yang akan diambilgunakan dalam tempoh PSDP2.

- (1) Mengembleng dengan lebih berkesan sumber kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan serta sumber manusia daripada sektor swasta dan sektor ketiga iaitu sektor akademik dan NGO untuk memperkembangkan program-program pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang;
- (2) Meningkatkan keupayaan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) melalui penambahan jawatan tetap, peningkatan kemahiran dan penggabungan peranan DCT Consultancy Services Sdn. Bhd., Institut Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Alam Sekitar (SERI) dan majlis-majlis perundingan dalam menyokong UPEN bagi perancangan ekonomi yang lebih berkesan lagi dan
- (3) Menubuhkan suatu sistem maklumbalas awam untuk memastikan bahawa perancangan fizikal akan mengambilkira permintaan ekonomi semasa dan masa depan, keadaan pasaran, impak ke atas alam sekitar dan keperluan-keperluan sosial, termasuk keperluan khas kelompok-kelompok yang datang daripada latar belakang sosio yang tersekat atau yang kurang upaya.

Dato' Speaker, selaras dengan keanjakan menuju ke arah sebuah k-masyarakat, keupayaan kerajaan dalam mengguna ICT untuk menambahkan kelajuan, kemudahan dan nilai perkhidmatan disampai mesti dipertingkatkan. Justeru, kerajaan bertujuan menjaringkan secara elektronik dan lengkap menjelang tahun 2005. Namun demikian, inisiatif e-kerajaan tidak hanya terbatas kepada pemasangan perkakas dan prasarana sahaja, tetapi mesti termasuk peningkatan keupayaan dan kecekapan IT kakitangan perkhidmatan awamnya. Program untuk menubuhkan sebuah e-kerajaan termasuk langkah-langkah yang berikut:-

- (1) Merumuskan suatu model perkhidmatan dan pengurusan yang berasaskan kepada struktur dan budaya sebuah pertubuhan yang berkemampuan dalam ICT supaya dapat menyediakan perkhidmatan awam yang mempunyai nilai ditambah;
- (2) Memberi latihan dan mempromosikan suatu budaya "pembelajaran yang berterusan" agar memastikan bahawa kakitangan perkhidmatan awam adalah cekap dalam ICT dan melantik lebih ramai kakitangan yang berpengetahuan khusus dalam IT untuk memelihara budaya berpengetahuan atau dengan izin, *knowledge culture* dalam perkhidmatan awam dan
- (2) Meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dengan menggunakan alat-alat elektronik untuk membekalkan akses "jendela tunggal" kepada pelbagai perkhidmatan serta menyelaraskan dan mengintegrasikan semua proses bagi membekalkan perkhidmatan yang telus dan tidak berkelim kepada orang ramai.

Dato' Speaker, pada asasnya, amalan *good governance* yang baik adalah bergantung kepada faktor manusia, nilai-nilai dan cara berfikir kakitangan sektor awam di satu pihak dan kesediaan masyarakat madani memainkan suatu peranan yang menyumbang dan membina kepada pembinaan pakatan yang merupakan sebahagian daripada urus tadbir berpenyertaan "*participatory good governance*" di pihak yang lain. Untuk memudahkan proses ini, PSDP2 telahpun merangka strategi-strategi berikut:-

- (1) Menanamkan di kalangan semua kakitangan perkhidmatan awam konsep *good governance* yang baik dengan menaja penyertaan mereka dalam persidangan, seminar dan kursus latihan tempatan dan antarabangsa mengenai subjek ini;

- (2) Menyediakan suatu mekanisme untuk pembentangan laporan mengenai kemajuan projek-projek kerajaan dan perbelanjaan awam yang lebih kerap dan berkesan serta memposkan laporan ini di laman web jabatan-jabatan yang berkenaan;
- (3) Menjemput wakil dari kumpulan-kumpulan yang datang daripada latar belakang sosio-ekonomi yang tersekat menyertai semua majlis perundingan yang relevan serta menubuhkan unit-unit khas untuk mendapatkan maklum balas daripada mereka dan membantu mereka apabila perlu dan
- (4) Mengalakkan pembentukan persatuan penduduk, kumpulan rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan serta mengadakan dialog dengan mereka supaya membenarkan perbagai komuniti dan kumpulan mengemukakan maklum balas dan cadangan mereka.

PENUTUP

Dato' Speaker, pada kesimpulannya, PSDP-2 merupakan suatu pelan realistik untuk memandu halatuju pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi sepuluh (10) tahun yang akan datang. Strategi-strategi yang telah dirumuskan adalah berdasarkan analisis mengenai prestasi Pulau Pinang dalam dekad yang lepas, isu-isu semasa serta cabaran-cabaran dan kesempatan masa hadapan. Strategi-strategi yang digubal disertai dengan perakuan-perakauan dan pelan-pelan tindakan yang spesifik yang kemudiannya akan diterjemahkan menjadi pelbagai program dan projek. Sebahagian strategi sedang dalam proses pelaksanaan, manakala sesetengah strategi pula akan mengambil masa untuk dimulakan dan dijadikan realiti. Memang terdapat objektif-objektif dan strategi-strategi tertentu yang bercita-cita tinggi dalam pelan ini yang nampaknya begitu idealistik dan sukar dicapai. Akan tetapi, saya yakin bahawa hanya dengan menetapkan sasaran-sasaran yang tinggi, barulah kita dapat maju ke hadapan. Saya ingin menegaskan bahawa PSDP-2 merupakan suatu dokumen yang dinamik dan hidup, dengan izin, *a dynamic and living document*. Justeru, ianya akan dikaji semula dan dipinda dari masa ke semasa mengambilkira keadaan dan keperluan yang sering berubah serta input dan teguran yang membina daripada semua segmen masyarakat Pulau Pinang, mengikut semangat demokrasi berpenyertaan atau *participatory democracy* dan *good governance* yang sebenar.

Saya juga ingin menyatakan bahawa PSDP-2 adalah suatu pelan yang berterus-terang. Kami tidak cuba mengabai dan menutup sebarang kekurangan dan kelemahan kerajaan negeri atau kekangan-kekangan yang kami hadapi dalam tempoh 10 tahun yang lepas. Kami telah menilaikan diri sendiri dengan teliti dan kritikal dalam dokumen ini. Dalam beberapa aspek, prestasi kami memang tidak sampai ke tahap yang dikehendaki, akan tetapi dalam banyak aspek yang lain, pencapaian kita adalah membanggakan. Penilaian yang jujur mengenai pentadbiran kerajaan dan prestasinya adalah penting supaya kita dapat mempelajari dari pengalaman kita dan dapat merangkakan strategi-strategi yang lebih realistik dan berkesan. Tujuan kita ialah hendak mengarah sumber-sumber kita untuk mencapai penyelesaian dan hasil yang paling baik dan berfaedah untuk rakyat kita. Sebagai satu Rangka Rancangan Jangka Panjang atau *Outline Perspective Plan* bagi tempoh sepuluh (10) tahun, PSDP2 akan menjadi asas rangka kerja perancangan, dengan izin, *the basis of planning framework* untuk tujuan menggubal rancangan lima (5) tahun yang pertama bagi Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2000 hingga 2005, yang dikenali sebagai Rancangan Negeri Pulau Pinang Yang Pertama atau RNPP-1 yang akan dibentangkan di Dewan ini pada 5 November. Kedua-dua PSDP-2 dan RNPP-1 akan pula menjadi asas rangka kerja bagi menyediakan belanjawan tahunan negeri kita mulai sekarang. Belanjawan tahunan 2002 akan dibentangkan di Dewan ini pada 19hb. November.

Oleh itu, Dato' Speaker, banyak lagi perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan yang terperinci perlu dilakukan. Dalam kata-kata lain, kita hendaklah bekerja lebih kuat lagi sebelum kita dapat mencapai objektif pembangunan jangka masa panjang untuk mewujudkan Negeri Pulau Pinang yang mampan di mana rakyat menikmati *good governance*, kualiti hidup yang tinggi dan tahap keperkasaan atau *empowerment* yang tinggi juga. Di sini, Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon sebagai Pengerusi *Socio-Economic and Environmental Research Institute* (SERI) Pulau Pinang, kakitangan SERI dan semua pakar runding yang telah bertungkus-lumus menyediakan berbagai-bagai laporan teknikal yang menjadi asas untuk pelan strategik ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan saya yang lain dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), semua jabatan dan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan yang telah memberi pandangan bernas mereka terhadap pelbagai aspek di beberapa peringkat dalam penyediaan PSDP2 ini.

Sebenarnya, proses penyediaan dimulakan pada tahun 1998 dengan satu siri kajisemula terhadap PSDP-1, diikuti oleh beberapa perbincangan mejabulat atau *roundtable* dan forum awam sebagai sebahagian daripada *Sustainable Penang Initiative* untuk mengumpul idea dan cadangan. Oleh itu, pelan ini sebenarnya boleh disifatkan sebagai pelan oleh rakyat untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Ianya sekarang dibentangkan untuk perbincangan oleh para wakil rakyat yang dipilih dalam Dewan yang mulia ini. Saya mengalu-alukan dan menghargai pandangan positif dan kritikan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan diambil kira oleh kerajaan negeri. Selepas usul ini diluluskan oleh Dewan ini, dokumen ini akan diterimapakai sebagai panduan untuk tujuan perancangan strategik bagi pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh sepuluh (10) tahun yang akan datang.

Dato' Speaker, saya ingin menegaskan bahawa hanya terdapat satu objektif utama dalam segala usaha kita ini, iaitu untuk menjamin bahawa teras-teras dan strategi-strategi pelan ini digubal dengan betulnya dan dilaksanakan dengan berkesannya untuk membina Negeri Pulau Pinang yang maju sepenuhnya mengikut *the Penang Vision* an Wawasan Negara untuk kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang. Ianya merupakan permulaan fasa baru dalam perjalanan kita ke arah Era Baru. Saya menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua rakyat Negeri Pulau Pinang untuk bersama-sama dengan kami dalam perjalanan ini. Saya memohon mencadangkan.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.30 pagi, 22 Oktober 2001.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.